



Penjualan mercun, bunga api secara 'online' dilarang

Oleh Safeek Affendy Razali - April 2, 2023 @ 1:41pm
safeek@bh.com.my

PUTRAJAYA: Sebarang bentuk penjualan mercun dan bunga api secara dalam talian adalah dilarang walaupun membabitkan jenis produk yang dibenarkan untuk jualan.

Ini adalah sebahagian daripada garis panduan yang diputuskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang memberi kebenaran kepada penjualan 46 bunga api jenis 'Happy Boom' dan Pop-pop.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata perkara itu wajib dipatuhi semua pihak walaupun tiada peraturan khusus atau jelas berkaitan tindakan itu.

"Jualan secara online tidak dibenarkan dan ingin saya tegaskan di sini bahawa KDN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau untuk memastikan penjual yang mempunyai permit sah menjual dari jenis bunga api yang dibenarkan.

"Malah jualan juga harus dibuat di tempat-tempat atau premis yang dianggap selamat dan pihak berkuasa akan terus melaksanakan penguatkuasaan mengikut Akta Bahan Letupan 1957," katanya ketika ditemui media di Putrajaya malam tadi.

Saifuddin berkata, pihaknya akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya ada aduan berkaitan penjualan secara dalam talian dikesan.

"Sebarang tindakan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh PDRM dan KDN serta turut membabitkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Kelulusan untuk mengimport, menyimpan dan menjual mercun hanya diberikan kepada 27 buah syarikat yang mematuhi garis panduan serta syarat PDRM.

"Pihak Kastam tentunya akan memastikan hanya syarikat yang mempunyai permit yang import untuk mengimport bunga api dan mercun yang dibenarkan sahaja yang akan masuk, begitu juga pihak PBT juga akan memainkan peranan mereka bagi memastikan bahawa penjual yang mempunyai permit jualan sahaja yang boleh menjual," katanya.

Beliau turut menegaskan ia menjadi bidang tugas kementeriannya dan pihak polis bagi memantau proses import dan penjualan mercun dan bunga api, berdasarkan Akta Bahan Letupan 1957 dan Peraturan Bahan Letupan 1923.

Orang ramai turut dinasihatkan agar mematuhi undang-undang dengan hanya membeli dari penjual yang mempunyai permit jualan yang sah serta memastikan bahan tersebut melepasi aspek keselamatan yang telah ditetapkan.